

FYi



No Permit:PP13200/12/2013(032007)
May 2016:ISSN 1675-5464

Your OSH preferred partner

"WORKPLACE STRESS: A COLLECTIVE CHALLENGE"

UCAPAN OLEH PENGURUSI NIOSH
TAN SRI LEE LAM THYE



SEMINAR DAN DIALOG KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN BERSAMA
MAJIKAN DAN PEKERJA

SEMINAR KORPORAT UNTUK KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF ANJURAN NIOSH
MALAYSIA

SAMBUTAN HARI PEKERJA 2016 DAN
FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERJANJIAN (MoU) DI ANTARA NIOSH
DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI
PETRONAS (UTP)

LAWATAN KE PADANG BUKIT TINGGI,
INDONESIA ANJURAN PUSPANITA

WORKPLACE
STRESS

UCAPAN PENGERUSI NIOSH

**TAN SRI LEE LAM THYE
PADA MAJLIS PELANCARAN SEMINAR
NIOSH**

"WORKPLACE STRESS: A COLLECTIVE CHALLENGE"

**SEMPENA SAMBUTAN
HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN
DI TEMPAT KERJA SEDUNIA 2016**

Tempat : NIOSH Bandar Baru Bangi

Tarikh : 17 Mei 2016

Stress adalah lumrah di tempat kerja disebabkan tuntutan persekitaran kerja kontemporari. Walau bagaimanapun, stress yang berlebihan dan tidak terurus boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan pekerja kerana ia boleh menjadikan kesejahteraan mental dan fizikal individu.

Stress berkaitan dengan pekerjaan adalah salah satu isu yang paling mencabar dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) hari ini. Ia adalah satu isu yang semakin membimbangkan di seluruh dunia kerana ia mempunyai kesan besar ke atas kesihatan pekerja, produktiviti organisasi dan ekonomi negara.

Stress, jika tidak diuruskan dengan baik, boleh merugikan pekerja dan organisasi. Stress di tempat kerja boleh dilihat daripada ketidakhadiran pekerja atau pekerja datang bekerja walaupun dalam keadaan sakit. Kedua-dua ini menyumbang kepada penurunan produktiviti. Stress di kalangan pekerja juga boleh membawa kepada peningkatan kadar kemalangan dan kecederaan di tempat kerja.

Stress yang dialami oleh pekerja boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti keresahan dan kemurungan. Stress yang berpanjangan pula boleh membawa kepada masalah kesihatan fizikal seperti penyakit kardiovaskular dan gangguan musculoskeletal.

Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2015 mendapati masalah kesihatan mental adalah lebih tinggi di kalangan orang muda, di mana mereka yang berada di dalam kumpulan umur 16-19 tahun menyumbang 34.7 peratus kepada masalah mental sementara mereka yang dalam kumpulan umur 20-24 menyumbang sebanyak 32.1 peratus.

Kajian mendapati peratusan masalah kesihatan mental di kalangan mereka yang berumur 16 tahun ke atas ialah 29.2 peratus. Ini adalah peningkatan ketara berbanding kajian sama yang dilakukan pada tahun 2006, yang merekodkan 11.2 peratus.

Ia juga mendedahkan bahawa masalah kesihatan mental di kalangan orang dewasa banyak dialami oleh mereka yang datang daripada isi rumah berpendapatan rendah.

Mengikut jenis pekerjaan, masalah kesihatan mental adalah paling rendah di kalangan kakitangan kerajaan dan separa kerajaan.

Kesihatan mental ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai keadaan di mana seseorang individu boleh mencapai potensi diri, mampu menghadapi tekanan biasa setiap hari, bekerja secara produktif dan menyumbang kepada masyarakat. Oleh itu, para pekerja harus mempunyai kesihatan mental yang baik untuk membolehkan mereka berfungsi dan berada dalam prestasi terbaik.

Perubahan struktur kerja dalam dunia hari ini menyumbang kepada risiko psikososial di tempat kerja di mana pekerja menghadapi tekanan yang lebih besar untuk memenuhi permintaan tugas, peningkatan persaingan dan harapan yang lebih tinggi terhadap mereka.

Persaingan global dan peningkatan fleksibiliti pasaran buruh mewujudkan lebih banyak jenis pekerjaan yang tidak menentu dan tiada jaminan. Keadaan ini menyumbang kepada stress di tempat kerja. Kelembapan ekonomi pula boleh menimbulkan risiko psikososial di tempat kerja di mana organisasi mengalami penyusunan semula, penstrukturkan semula atau pengecilan, di mana para pekerja menghadapi kemungkinan diberhentikan kerja, kurangnya jaminan pekerjaan, peluang pekerjaan yang lebih rendah, kurang kestabilan kewangan dan peningkatan hutang peribadi.

PUNCA STRESS DI TEMPAT KERJA

Stress berkaitan dengan pekerjaan berlaku apabila tuntutan dan tekanan kerja tidak sepadan dengan pengetahuan pekerja, kemampuan mereka dan keupayaan menghadapi keadaan di tempat kerja. Kelemahan dalam struktur kerja, organisasi kerja dan pengurusan boleh menyumbang kepada risiko psikososial terhadap pekerja yang boleh membawa kepada kesan negatif seperti stress berkaitan dengan pekerjaan, "burn-out" dan kemurungan.

Keadaan yang boleh menyebabkan stress di tempat kerja termasuk beban kerja yang berlebihan, peranan yang kurang jelas di tempat kerja atau peranan yang bercanggah, pekerjaan yang tiada jaminan, organisasi tidak diuruskan dengan baik, kurangnya sokongan daripada pihak pengurusan tinggi dan komunikasi yang lemah.

Faktor-faktor lain termasuk konflik interpersonal, penderaan fizikal atau psikologi, gangguan seksual, keganasan dan kurang sokongan daripada rakan-rakan dan pasangan dalam menyeimbangkan tugas-tugas pekerjaan dan rumah.

Menguruskan Stress di Tempat Kerja
Memandangkan implikasi serius akibat stress di tempat kerja, organisasi perlu mengambil kira stress berkaitan dengan pekerjaan dan risiko psikososial sebagai sebahagian daripada strategi keselamatan dan kesihatan perkerjaan mereka.

Organisasi perlu melaksanakan pelan untuk mencegah atau mengurangkan stress di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran psikososial yang sihat. Adalah perlu untuk membentuk fungsi organisasi dan budaya yang boleh meringankan stress di tempat kerja.

Pencegahan utama termasuk mengambil berat mengenai keadaan ergonomik, persekitaran kerja dan pembangunan organisasi. Ini diikuti oleh pencegahan sekunder yang menggabungkan pendidikan dan latihan untuk pekerja. Langkah-langkah pencegahan ini adalah penting terutamanya apabila majikan dan pekerja mungkin tidak dapat mengenali simptom stress atau risiko psikososial seperti kemurungan yang sederhana seperti "burnout" dan "dysthymia".

Majikan perlu melaksanakan pendekatan pengurusan risiko seperti menjalankan analisis keadaan, merangka pelan tindakan untuk mengurangkan risiko, melaksanakan pemeriksaan bagi pengesanan awal dan menyediakan carta aliran untuk pengurusan dan rujukan.

Dalam persekitaran kerja yang mencabar, adalah perlu untuk mengukuhkan sokongan sosial di tempat kerja. Kumpulan sokongan rakan sebaya dapat membantu mengurangkan tekanan, keimbangan dan kerisauan para pekerja.

Untuk pengurusan stress peringkat individu, pekerja perlu berusaha meningkatkan komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pekerja harus mahir dalam mengendali rasa marah dan pengurusan masa yang baik supaya mereka mempunyai keupayaan menghadapi keadaan di tempat kerja. Mempelajari teknik mengurangkan tekanan serta mengamalkan gaya hidup sihat dapat membantu para pekerja menghadapi stress di tempat kerja.

Stress berkaitan dengan pekerjaan tidak boleh diabaikan apabila membincangkan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pengurusan stress yang baik di tempat kerja akan mewujudkan persekitaran kerja sihat di mana pekerja berasa dihargai, budaya tempat kerja menjadi lebih positif dan seterusnya, prestasi perniagaan akan bertambah baik kerana pekerja lebih produktif dan pelanggan dilayan dengan lebih baik serta keperluan mereka dipenuhi.

**TAN SRI LEE LAM THYE
PENGERUSI, NIOSH**

OSH ACTIVITIES

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoU) DI ANTARA NIOSH DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

30 Mei 2016 - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak Universiti Teknologi Petronas (UTP) telah diadakan secara sederhana bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah, Ibu Pejabat NIOSH, Bangi.

MoU ini telah ditandatangani oleh En. Ayop Salleh, Setiausaha Eksekutif NIOSH dan YBhg Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Haji Hashim, Naib Canselor UTP disaksikan oleh En. Fadzil Osman, Pengurus Besar Jabatan Rundingan, Penyelidikan dan Pembangunan dan Assoc. Prof. Dr. Fawnizu Azmadi Hussin, Ketua 'Centre of Advanced Process Safety'.

Skop kerjasama selama tiga (3) tahun ini melibatkan latihan, pembangunan tenaga pakar, kajian dan konsultansi di dalam bidang keselamatan proses khususnya.



Diharap dengan termetearinya MoU ini, usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan khususnya di dalam bidang keselamatan proses dapat diperkasakan lagi melalui penyelidikan dan latihan yang akan dijalankan.

SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2016

Pada 10 Mei 2016, Majlis Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja 2016 diadakan di Resort World Kijal, Kemaman, Terengganu. Tema Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja 2016 adalah "Tekanan Di Tempat Kerja Cabaran Bersama". Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di tempat Kerja 2016 disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan dianjurkan oleh Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Pada 17 Mei 2016, Majlis Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pula disambut di NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor. Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengurus NIOSH, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye. Sambutan tersebut dihadiri kira-kira 200 orang dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Majlis bermula pada pukul 8.30 pagi dan acara perasmian diadakan pada pukul 10.30 pagi. Dalam ucapan perasmian tersebut, Tuan Pengurus menyampaikan amanat tentang stres berkaitan dengan pekerjaan adalah salah satu isu yang paling mencabar dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) hari ini. Ia adalah satu isu yang semakin membimbangkan di seluruh dunia kerana ia mempunyai kesan besar ke atas kesihatan pekerja, produktiviti organisasi dan ekonomi negara. Majlis ini mendapat liputan media tempatan.

SAMBUTAN HARI PEKERJA 2016 DAN FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kongres Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada 1 Mei 2016 (Ahad) bertempat di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah hadir sebagai tetamu kehormat dalam majlis ini dan menyampaikan

Amanat Khas sempena Hari Pekerja Tahun 2016. Tema Hari Pekerja pada tahun 2016 adalah "Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi".

Kementerian Sumber Manusia menjemput 7,000 orang pekerja daripada pelbagai sektor yang mewakili setiap kategori pekerjaan bagi menyertai majlis ini. Perhimpunan tersebut juga turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia, Malaysia serta beberapa tetamu kehormat. NIOSH turut menyertai aktiviti pameran bagi mempromosikan aktiviti dan perkhidmatan di NIOSH.

Pada 28 April 2016 diadakan Majlis Perasmian Karnival Forum Perdana sempena Program Siaran Langsung Forum Perdana Ehwal Islam Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2016. Majlis tersebut diadakan di Perkarangan Dewan Jubli Perak Sultan Shah, Maran, Pahang Darul Makmur yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia Merangkap Ahli Parlimen Maran. Pada majlis tersebut, beberapa kakitangan NIOSH terlibat di dalam aktiviti pameran.



SEMINAR KORPORAT UNTUK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ANJURAN NIOSH MALAYSIA

26 Mei 2016 – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), sebuah syarikat di bawah Kementerian Sumber Manusia menganjurkan Seminar Korporat kepada Ketua Pegawai Eksekutif di kalangan agensi Perkhidmatan Awam dan Swasta. Seminar ini bertujuan untuk menggalakkan majikan yang berperanan dalam pengurusan KKP yang lebih efektif kepada para pekerja. Selain itu memberi kesedaran kepada setiap majikan dalam mempertingkatkan kemahiran pekerja melalui program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan penyakit pekerjaan serta kemalangan di tempat kerja.

Objektif penganjuran seminar satu (1) hari ini dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah untuk memberi kesedaran tentang tanggungjawab majikan dalam mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Selain itu, seminar ini diharapkan dapat membantu para majikan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Seminar yang dijalankan ini terdiri daripada para majikan sebagai tunggak utama dalam sesebuah syarikat yang berperanan dalam memberi kesedaran kepada para pekerja di bawahnya.

NIOSH sentiasa berusaha untuk menerapkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk diamalkan oleh semua pekerja dan para majikan harus memainkan peranan yang paling utama. Seminar kali ini diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya, Bangi Selangor telah dihadiri kira-kira 150 peserta dan rasmikan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Zahrim Osman. Seminar Korporat ini terdiri daripada para pentadbir sesebuah organisasi berkongsi pengalaman dan memberi lebih pemahaman dan pendedahan kepada industri dan organisasi.



LAWATAN KE PADANG BUKIT TINGGI, INDONESIA ANJURAN PUSPANITA

PUSPANITA NIOSH telah mengadakan lawatan ke Bukit Tinggi, Indonesia 3 hari 2 malan iaitu pada 27 – 29 Mei 2016. Seramai 10 orang ahli Puspanita telah menyertai lawatan ini.

Sesi lawatan ke Padang Indonesia, Puspanita ini mengunjungi beberapa tempat menarik seperti China Town, Old Harbor, Siti Nurbaya Bridge dan Padang Beach. Selain itu Puspanita NIOSH dibawa ke Bukit Tinggi melalui Lembah Anai dan berhenti di Air Terjun Lembah Anai dan Minangkabau Village. Rombongan Puspanita ini juga dibawa ke



Pandai Sided, sebuah perkampungan yang terkenal dengan tenunan songket dan ukiran kayu.

Hari kedua pada 28 Mei 2016, sesi lawatan diteruskan ke Tanah Unik Minangkabau mengunjungi Batu sangkar, sulaman bordiran HJ ROSMA dan Tabek Patah yang memaparkan keindahan alam yang luar biasa, mengunjungi rumah Home industri KINIKO seperti pisang salai dan kopi pengilangan tradisional. Sebelum berakhirnya lawatan pada petang tersebut, rombongan lawatan ini telah dibawa mengunjungi Silindung Bulan Palace.

SEMINAR DAN DIALOG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BERSAMA MAJIKAN DAN PEKERJA



KOTA BAHRU - 28 Mei 2016 satu sesi Seminar dan Dialog Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bersama Majikan dan Pekerja yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Seminar dan Dialog ini adalah salah satu aktiviti bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta tanggungjawab Majikan dan Pekerja di Malaysia. Kesedaran melalui program seminar dan dialog ini diharapkan dapat membantu majikan supaya menyelesaikan masalah ataupun persoalan berkaitan dengan Perundangan KKP, Latihan dan Perundingan serta Peruntukan Geran Latihan kepada Majikan dan Pekerja.

Objektif utama Seminar dan Dialog ini adalah untuk;

- Membantu majikan mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Menyampaikan maklumat terkini dan isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja dan majikan melalui seminar dan bahan edaran bahan cetakan.
- Memberi peluang kepada pekerja untuk mendapatkan maklumat bagi membantu mempertingkatkan kesedaran melalui sesi soal-jawab dengan pekerja,
- Membantu majikan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Mengenal pasti dan memahami masalah yang dihadapi oleh Majikan dan Pekerja dalam menerapkan amalan budaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Seminar dan Dialog Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bersama Majikan dan Pekerja ini diadakan di Dewan Bazar Tengku Anis, Kota Baharu Kelantan. Majlis bermula jam 8.30 dan berakhir pukul 4.00 petang.

Public safety at work sites along roads lacking

THE incident where a car plunged into a 12m-deep and 3m-wide construction pit in Petaling Jaya on Tuesday highlights the lack of adequate safety practices at work sites by contractors.

The driver of the car, an 86-year-old man, lost control of the vehicle, crashed through the flimsy safety barriers and plunged into the uncovered hole. The pipe-jacking pit is managed by a contractor appointed by Urban Waterfront Council (UWC) to lay underground sewer pipes.

Although it was a freak incident, it could have been avoided if the contractor had installed concrete barriers instead of the plastic ones. Given that the work site is on the road, the hole should be properly covered and barricaded at all times.

Fortunately, there was no loss of life as the pit was not full of water but the senior citizen was traumatised and sustained injuries, and his vehicle was damaged.

Incidents of such nature could have been prevented if contractors took steps to have a proper



safety management plan at all their work sites.

This is another typical case of road works contractors not paying adequate attention to public safety. I have observed that most of the work sites along roads do not

have proper safety measures, just flimsy barricades and inadequate warning signage.

Sadly, the safety of the public seems not to be in the minds of those working at these sites.

As a national company, IWK has

to ensure that all of its contractors comply with the Industry Code of Practice for Safe Work.

Contractors of ongoing construction works in the Klang Valley and other parts of the country must step up efforts to ensure public safety not only at the work sites but around them as well.

It is time for all contractors to have better supervision of their works to prevent a recurrence of this tragic incident.

I call on all the relevant authorities to impose more stringent conditions when allowing road works and any form of construction activities to be carried out.

There has been a lot of lip service to safety and health but in practice, it leaves much to be desired. Many contractors have consistently gotten off but it is now time for the authority to go hard on them as the safety and health of the public must never be compromised.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman
National Institute Of
Occupational Safety and Health

PUBLIC SAFETY AT WORK SITES ALONG ROADS LACKING

Publication: The Star

Date of Publication: 5 May 2016

Page number: 39N

WORKERS REMINDED OF RIGHT TO SAFE, HEALTHY WORKPLACE

Publication: News Straits Times

Date of Publication: 1 May 2016

Page number: 9

2 nation

**sunday star
says**

Much to be done to improve worksite safety

WISCONSIN has a peculiar quality - it usually flows more generously after the eye.

Consider what has been said and done following an incident in Petaling Jaya on Tuesday afternoon, when a car accidentally crashed through a worksite on a road and ended up in a large, deep pit.

An 86-year-old man was the driver and also in the car was a 20-year-old. Fortunately, both survived unscathed, injuries. The car was badly damaged, though, as a result of the heading plunge.

The worksite is part of a project to upgrade the city's sewerage system. The Energy, Green Technology and Water Ministry said the pit was a manhole under construction, and

was 8.7m deep and 3.3m across.

In a media statement issued on Wednesday, the ministry said the contractor had been instructed to cover the opening with a concrete slab.

It added that as a "long-term safety control," a concrete barrier raised 1.5m above the road surface would be built around the open excavation.

Unfortunately, that did not stop the site's sewerage system project.

"This measure is meant to prevent any object from falling into the open excavation," the ministry explained. "At the same time, existing safety measures will streamline."

On the same day, Petaling Jaya mayor Ismail Aziz Mohd Zain said it

stop-work order on the PJ North section of the project would only be lifted after the contractor improved worksite safety measures.

"I urge all contractors to up their safety measures at the worksite and follow the guidelines given. We don't want a repeat of such incidents."

Tan Sri Lee Lam Thye, the chairman of the National Institute of Occupational Safety and Health, lamented that most of the worksites along the roads had flimsy barricades and inadequate warning signage.

"Sadly, the safety of the public seems not to be in the minds of those working at the worksites," he said.

Many Malaysian road users will agree with that view. There is the suspicion that traffic management is often little more than an afterthought when construction and maintenance work is carried out on roads.

Ensuring the safety and health of workers and the public should be a priority when planning and implementing these projects. And, yet, many times we have seen motorists, pedestrians and other road users being put in harm's way when they are near the sites.

Motorists are not warned of a hazard until they are potentially close to it. The work areas and the travelled way are not properly separated. Pedestrians are exposed to

vehicular traffic because they have to walk around a worksite.

Why is this still happening although the country has accumulated decades of experience and expertise in construction and engineering?

As always, it is a combination of irresponsible business practices, weak rules and lack of enforcement.

We can be proud of our abilities in building and infrastructure, but not our construction safety standards. We must do a lot more to raise these standards.

Let us not wait for another worker to die to jolt our minds. The loss of a life due to carelessness is never a reasonable price to pay.

the right to work safely, too."

Preserving human health was a key objective of social security. Protecting and preserving a safe and healthy culture could save lives and reduce costs to society.

All workers are entitled to safe and healthy working conditions, as articulated in international human rights instruments. It is the responsibility of whether they are involved in fieldwork, in the office or other workplace settings.

Lee said the government, employers and employees must be committed to achieving a work culture that ensures safety and health.

"It must be emphasised that there should be no compromise on safety and health in the workplace.

"Increasingly, the promotion of safe conditions is based on promoting a culture of risk and accident prevention which can improve the health of workers and the productivity of the enterprise."

Nahas kereta api: Kaji SOP elak kejadian berulang

KUALA LUMPUR 9 Mei - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) disarap supaya mengaji semula prosedur operasi standard (SOP) mereka bagi memastikan kejadian

kereta api bertembung tidak berulang.

Pengerusi Institut Keselamatan Perkerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, siasatan perlu dilakukan untuk menentukan faktor yang menyebabkan naibas tersebut.

Menurutnya, antara perkara yang boleh menyebabkan naibas tersebut ialah kemungkinan kesilapan pemandu kereta api itu sendiri.

"Kurang latihan, gangguan, tekanan dan rehat yang tidak mencukupi boleh menjadi faktor kepada kegagalan dalam membuat keputusan."

"Semua sistem kereta api adalah rumit dan ia melibatkan kerjasama antara manusia dan teknologi," katanya dalam kenyataan akhbar ketika

mengulas mengenai kejadian kereta api bertembung di laluau selepas Stesen Komuter Batang Kali kelmarin.

Kemalangan tersebut membabitkan kereta api KTM 13 gerak dari Butterworth, Pulau Pinang menghalang ke pusat bandar dan perkhidmatan tren elektrik (ETS) enam gerak dari pusat bandar menghalang ke Ipoh, Perak.

Jelas beliau, kakitangan KTM perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dan telah menjalani pelbagai latihan simulasi untuk melengkapkan diri mereka dalam mengendalikan operasi kereta api yang rumit dan berteknologi tinggi.

"Ia penting bagi mengembalikan keperayaan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan tersebut pada masa akan datang," ujarnya.

MUCH TO BE DONE TO IMPROVE WORKSITE SAFETY

Publication: Sunday Star

Date of Publication: 8 May 2016

Page number: 2

Kemalangan ke tempat kerja meningkat 554 kes

Chukai: Kadar kemalangan jalan raya membabitkan pekerja dalam perlarian ke tempat kerja dan pulang ke kediaman di negara ini meningkat 554 kes pada tahun lalu berbanding sepanjang 2014.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib berkata, 28,591 kes kemalangan

terbabit dicatatkan pada 2015 berbanding 28,037 kes setahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, jumlah keseluruhan kemalangan yang dilaporkan tahun lalu menunjukkan penurunan iaitu 2.81 peratus bagi setiap 1,000 pekerja berbanding 3.10 peratus setiap 1,000 pekerja bagi tahun 2014.

"Keseluruhan jumlah kemalangan yang dicatatkan pada 2015 adalah 62,863 kes manakala tahun 2014 sebanyak 63,331 kes," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (World OSH Day) Peringkat Kehangsaan 2016, di sini, semalam.



ISMAIL (dua dari kanan) mencuba sarung tangan keselamatan untuk pekerja.

NAHAS KERETA API: KAJI SOP ELAK KEJADIAN BERULANG

Publication: Utusan Malaysia

Date of Publication: 10 May 2016

Page number: 21

KEMALANGAN KE TEMPAT KERJA MENINGKAT 554 KES

Publication: Harian Metro

Date of Publication: 11 May 2016

Page number: 24

